



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

**KAMUS PETUNJUK PRESTASI
UTAMA (KPI) KEUSAHAWANAN
TAHUN 2021 – 2025**

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) 1

Peraturan Usahawan Pelajar IPT yang Menjalankan Perniagaan di Kampus Semasa Tempoh Pengajian Mereka.



TAKRIFAN OPERASI (OD)

Usahawan Pelajar:

- Pelajar IPT sepenuh masa, warganegara Malaysia yang menjalankan aktiviti keusahawanan/perniagaan semasa dalam pengajian (tidak termasuk pascasiswazah)

KAEDAH PENGUKURAN PENCAPAIAN KPI 1

$$\frac{\text{Jumlah Numerator}}{\text{Jumlah Denomenator}} \times 100 = \% \text{ Pencapaian setiap IPT}$$

Numerator:

Jumlah pelajar sepenuh masa warganegara Malaysia yang menjalankan perniagaan semasa dalam pengajian di dalam atau luar kampus secara dalam talian/ luar talian (tidak termasuk pascasiswazah) di sesebuah IPT.



Denominator: Jumlah keseluruhan pelajar sepenuh masa, warganegara Malaysia pada tahun semasa (tidak termasuk pascasiswazah) di sesebuah IPT.

Nota:

- Jumlah Pelajar sepenuh masa termasuk pelajar yang mengambil kursus perkhidmatan wajib seperti perubatan, pertahanan, farmasi, perguruan dan sebagainya.
- Perniagaan tidak semestinya berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) tetapi mempunyai bukti pendaftaran perniagaan dengan mana-mana pihak berkuasa termasuk IPT. Sumber data ialah dari Pusat Keusahawanan IPT atau pelaporan rasmi yang dijalankan sendiri oleh IPT masing-masing. Data tersebut hendaklah diselaraskan diperingkat IPT sebelum dilaporkan kepada KPT.

KAEDAH PENETAPAN SASARAN KPI 1

17% x Jumlah keseluruhan pelajar sepenuh masa, warganegara Malaysia pada tahun semasa (tidak termasuk pascasiswazah) di sesebuah IPT.

Nota:

17% sasaran adalah berdasarkan kepada peratusan sasaran tahun 2020 iaitu 15% dengan penetapan kadar kenaikan 2% pada 2021 dan peningkatan untuk tahun seterusnya sehingga 2025.



PENETAPAN SASARAN KPI 1 TAHUN 2021 MENGIKUT IPT



IPT	Sasaran 2021	
	% sasaran	Bilangan Usahawan Pelajar
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	17%	2,972
Universiti Kebangsaan Malaysia	17%	2,607
Universiti Malaya	17%	2,616
Universiti Malaysia Kelantan	17%	1,699
Universiti Malaysia Pahang	17%	1,912
Universiti Malaysia Perlis	17%	1,848
Universiti Malaysia Sabah	17%	2,446
Universiti Malaysia Sarawak	17%	2,067
Universiti Malaysia Terengganu	17%	1,347
Universiti Pendidikan Sultan Idris	17%	3,413
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	17%	646
Universiti Putra Malaysia	17%	2,508
Universiti Sains Islam Malaysia	17%	1,812
Universiti Sains Malaysia	17%	3,701
Universiti Sultan Zainal Abidin	17%	1,709
Universiti Teknikal Malaysia Melaka	17%	1,762
Universiti Teknologi Malaysia	17%	2,276
Universiti Teknologi MARA	17%	25,133
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	17%	2,555
Universiti Utara Malaysia	17%	3,094
Politeknik	17%	14,777
Kolej Komuniti	17%	2,466
JUMLAH	17%	85,366

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) 2

Peraturan Usahawan Graduan
IPT yang Menceburkan Diri
Dalam Bidang Keusahawanan
Setelah Tamat Pengajian



TAKRIFAN OPERASI (OD)

Usahawan Graduan:

- Graduan warganegara Malaysia (tidak termasuk graduan pascasiswazah) yang bekerja sendiri atau menjadi usahawan dalam tempoh 12 bulan selepas menamatkan pengajian (termasuk perniagaan secara dalam talian/ luar talian).

KAEDAH PENGUKURAN PENCAPAIAN KPI 2

$$\frac{\text{Jumlah Numerator}}{\text{Jumlah Denominator}} \times 100 = \% \text{ Pencapaian setiap IPT}$$

Numerator:

Jumlah graduan warganegara Malaysia (tidak termasuk graduan pascasiswazah) yang bekerja sendiri atau menjadi usahawan dalam tempoh 12 bulan selepas tamat pengajian (termasuk perniagaan secara dalam talian/ luar talian) di sesebuah IPT.

Denominator:

Jumlah keseluruhan graduan warganegara Malaysia (tidak termasuk graduan pascasiswazah) di sesebuah IPT.

Nota:

Sumber data ialah dari Pusat Keusahawanan IPT atau Pusat Alumni IPT atau *Tracer Study* yang dijalankan KPT. Data tersebut hendaklah diselaraskan di peringkat IPT sebelum dilaporkan kepada KPT.

KAEDAH PENETAPAN SASARAN KPI 2

6% x Jumlah keseluruhan graduan warganegara Malaysia (tidak termasuk graduan pascasiswazah) di sesebuah IPT.

Nota:

6% adalah berdasarkan kepada *trend* pencapaian tahun-tahun sebelumnya. Ditetapkan hanya 1% peningkatan daripada tahun 2020 dan kekal hingga tahun 2022. Peningkatan peratusan sebanyak 2% pada setiap dua tahun berikutnya.

PENETAPAN SASARAN KPI 2 TAHUN 2021 MENGIKUT IPT



IPT	Sasaran 2021	
	% sasaran	Bilangan Usahawan Graduan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	6%	279
Universiti Kebangsaan Malaysia	6%	352
Universiti Malaya	6%	287
Universiti Malaysia Kelantan	6%	114
Universiti Malaysia Pahang	6%	207
Universiti Malaysia Perlis	6%	159
Universiti Malaysia Sabah	6%	269
Universiti Malaysia Sarawak	6%	218
Universiti Malaysia Terengganu	6%	169
Universiti Pendidikan Sultan Idris	6%	236
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	6%	60
Universiti Putra Malaysia	6%	299
Universiti Sains Islam Malaysia	6%	151
Universiti Sains Malaysia	6%	336
Universiti Sultan Zainal Abidin	6%	194
Universiti Teknikal Malaysia Melaka	6%	175
Universiti Teknologi Malaysia	6%	326
Universiti Teknologi MARA	6%	2,969
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	6%	231
Universiti Utara Malaysia	6%	323
Politeknik	6%	1,712
Kolej Komuniti	6%	416
JUMLAH	6%	9,481

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) 3

Bilangan Tenaga Pengajar
Dengan Kepakaran
Keusahawanan



TAKRIFAN OPERASI (OD)

Tenaga Pengajar Dengan Kepakaran Keusahawanan:

- Tenaga pengajar akademik dan bukan akademik IPT warganegara Malaysia yang memenuhi kriteria kepakaran seperti berikut:-

1. Persijilan & Pengiktirafan:

- i. Mempunyai kelulusan akademik atau ikhtisas (kemahiran khusus) dalam bidang berkaitan keusahawanan/pengurusan perniagaan/perdagangan **atau**;
- ii. Mendapat pengiktirafan/ pensijilan profesional keusahawanan/ perniagaan daripada institusi bertauliah nasional atau antarabangsa atau agensi-agensi yang diiktiraf kerajaan **atau** ;
- iii. Telah menjalani latihan keusahawanan yang **diiktiraf** oleh Pusat Keusahawanan IPTA **atau**;
- iv. Telah menjalani program sangkutan atau penempatan silang di industri/ PKS lebih daripada dua (2) bulan.

2. Sumbangan:

- i. Membantu atau menjadi penasihat dan mentor kepada perniagaan dan projek keusahawanan pelajar atau;
 - ii. Membantu atau menjadi penasihat dan mentor kepada perniagaan PKS/ komuniti atau;
 - iii. Mengajar kursus berkaitan keusahawanan.
- * (i atau ii atau iii mendapat pengiktirafan Pusat Keusahawanan masing-masing).

Nota:

Pengiraan adalah secara **kumulatif**. Tenaga pengajar/ pembimbing yang tidak lagi berkhidmat dengan institusi tidak boleh diambilkira

KAEDAH PENGUKURAN PENCAPAIAN KPI 3

- Jumlah tenaga pengajar akademik dan bukan akademik yang memenuhi kriteria takrifan operasi.
- Jumlah yang ditetapkan pada tahun 2021 adalah 2,500 orang tenaga pengajar dengan kepakaran keusahawanan.

Nota:

2,500 diguna sebagai asas pengiraan KPI 2021 berdasarkan pencapaian tahun 2019.

KAEDAH PENETAPAN SASARAN KPI 3

1.67 X Sasaran tenaga pengajar sesebuah IPT pada tahun 2020.

Nota:

1.67 adalah berdasarkan kiraan seperti berikut:

$$2,500 / 1,500 = 1.67$$

Di mana 2,500 merupakan jumlah sasaran tenaga pengajar dengan kepakaran keusahawanan pada tahun 2021 dan 1,500 merupakan jumlah sasaran tenaga pengajar dengan kepakaran keusahawanan pada tahun 2020. Pertambahan adalah sebanyak 67% (1.67) untuk tahun 2021.



PENETAPAN SASARAN KPI 3 TAHUN 2021 MENGIKUT IPT



IPT	Sasaran 2020	Pekali	Sasaran 2021
			Bilangan Tenaga Pengajar
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	89	1.67	149
Universiti Kebangsaan Malaysia	40	1.67	67
Universiti Malaya	10	1.67	17
Universiti Malaysia Kelantan	40	1.67	67
Universiti Malaysia Pahang	10	1.67	17
Universiti Malaysia Perlis	30	1.67	50
Universiti Malaysia Sabah	20	1.67	33
Universiti Malaysia Sarawak	20	1.67	33
Universiti Malaysia Terengganu	5	1.67	8
Universiti Pendidikan Sultan Idris	20	1.67	33
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	6	1.67	9
Universiti Putra Malaysia	10	1.67	17
Universiti Sains Islam Malaysia	45	1.67	75
Universiti Sains Malaysia	80	1.67	134
Universiti Sultan Zainal Abidin	20	1.67	33
Universiti Teknikal Malaysia Melaka	10	1.67	17
Universiti Teknologi Malaysia	130	1.67	215
Universiti Teknologi MARA	530	1.67	885
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	10	1.67	17
Universiti Utara Malaysia	50	1.67	84
Politeknik	235	1.67	390
Kolej Komuniti	90	1.67	150
JUMLAH	1,500		2,500

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) 4

Jumlah Kolaborasi dengan
Agensi, Industri, NGO, IPT
(Tempatan dan Antarabangsa)



TAKRIFAN OPERASI (OD)

Kolaborasi:

- Melibatkan penyelidikan dan pendidikan keusahawanan, mendapatkan khidmat nasihat, latihan dan bimbingan keusahawanan seperti pembangunan produk, inkubator, pemasaran, logistik, latihan usahawan sangkutan dan aktiviti-aktiviti keusahawanan yang lain.



KAEDAH PENGUKURAN PENCAPAIAN KPI 4

- Jumlah kolaborasi dengan Agensi, Industri, NGO, IPT (Tempatan dan Antarabangsa) yang memenuhi kriteria takrifan operasi.
- Jumlah yang ditetapkan pada tahun 2021 adalah sebanyak 105 kolaborasi.

Nota:

Penetapan awal 105 adalah dengan mengambilkira pembahagian sama rata 21 IPT perlu mendapatkan 5 kolaborasi. $21 \text{ IPT} \times 5 \text{ kolaborasi} = 105$. Nilai 5 tersebut adalah berasaskan cadangan kualitatif ahli-ahli semasa pembangunan PTK IPT 2021-2025 dengan pandangan nilai boleh dicapai.

Pemberat juga akan diambil kira dalam penetapan KPI seperti bidang fokus/enrolmen pelajar/ tenaga pakar sesebuah IPT.



KAEDAH PENETAPAN SASARAN KPI 4

$$\frac{\text{Jumlah Numerator}}{\text{Jumlah Denominator}} \times 105 = \text{Jumlah Sasaran KPI 4 sesebuah IPT}$$

Numerator:

Jumlah keseluruhan pelajar sepenuh masa, warganegara Malaysia dan yang mengikuti kursus perkhidmatan wajib pada tahun semasa (tidak termasuk pascasiswazah) **di sesebuah IPT.**

Denominator:

Jumlah keseluruhan pelajar sepenuh masa, warganegara Malaysia dan yang mengikuti kursus perkhidmatan wajib pada tahun semasa (tidak termasuk pascasiswazah) **di semua IPT.**



Nota:

- Pengiraan adalah **secara tahunan**. Setiap kolaborasi perlu dibuktikan dengan dokumen seperti surat niat (LOI), memorandum persefahaman (MOU), memorandum perjanjian (MOA), surat lantikan, surat penghargaan atau apa-apa bukti yang menunjukkan kolaborasi.
- Kolaborasi yang melebihi tempoh setahun akan dikira untuk tahun semasa dan seterusnya sehingga tamat durasi kolaborasi yang tertera dalam bukti kerjasama.
- Agensi-Agensi yang terlibat adalah seperti agensi kerajaan dan swasta, NGO, dan lain-lain yang berkaitan dan diiktiraf oleh universiti.

PENETAPAN SASARAN KPI 4 TAHUN 2021 MENGIKUT IPT



IPT	Sasaran 2021
	Bilangan Kolaborasi
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	4
Universiti Kebangsaan Malaysia	3
Universiti Malaya	3
Universiti Malaysia Kelantan	2
Universiti Malaysia Pahang	2
Universiti Malaysia Perlis	2
Universiti Malaysia Sabah	3
Universiti Malaysia Sarawak	3
Universiti Malaysia Terengganu	2
Universiti Pendidikan Sultan Idris	4
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	2
Universiti Putra Malaysia	3
Universiti Sains Islam Malaysia	2
Universiti Sains Malaysia	5
Universiti Sultan Zainal Abidin	2
Universiti Teknikal Malaysia Melaka	2
Universiti Teknologi Malaysia	3
Universiti Teknologi MARA	31
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	3
Universiti Utara Malaysia	4
Politeknik	18
Kolej Komuniti	3
JUMLAH	105

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) 5

Jumlah Syarikat, Perusahaan atau Projek Perniagaan yang dibiayai oleh Pemodal Awal, Pemodal Teroka, Entiti Pendanaan Awam, Geran Agensi Kerajaan dan Hadiah Pertandingan *Pitching* Berkaitan Keusahawanan



TAKRIFAN OPERASI (OD)

Syarikat, Perusahaan atau Projek Perniagaan:

- Syarikat, perusahaan atau projek perniagaan pelajar yang mendapat pembiayaan dalam pembangunan produk, inkubator, pemasaran, pemodal awal dan pemodal teroka.

Nota:

Pengiraan adalah **secara tahunan**. Melibatkan pembiayaan seperti pemodal awal (angel investor), pemodal teroka (venture investor), pendanaan awam, geran agensi kerajaan, pembiayaan pinjaman, hadiah pertandingan *pitching* berkaitan keusahawanan kepada entiti, aktiviti keusahawanan pelajar atau tabung keusahawanan universiti.



KAEDAH PENGUKURAN PENCAPAIAN KPI 5

- Jumlah syarikat, perusahaan atau projek perniagaan yang menerima pembiayaan yang memenuhi kriteria takrifan operasi.
- Jumlah yang ditetapkan pada tahun 2021 adalah sebanyak 105 syarikat, perusahaan atau projek perniagaan.

Nota:

Penetapan awal asas 105 adalah berdasarkan agihan sama rata 21 IPT perlu mendapatkan 5 pembiayaan syarikat pelajar. $21 \text{ IPT} \times 5 \text{ pembiayaan} = 105$.

Pemberat juga akan diambil kira dalam penetapan KPI seperti bidang fokus/enrolmen pelajar/ tenaga pakar sesebuah IPT.



KAEDAH PENETAPAN SASARAN KPI 5

$$\frac{\text{Jumlah Numerator}}{\text{Jumlah Denominator}} \times 105 = \text{Jumlah Sasaran KPI 5 sesebuah IPT}$$

Numerator:

Jumlah keseluruhan pelajar sepenuh masa, warganegara Malaysia pada tahun semasa (tidak termasuk pascasiswazah) **di sesebuah IPT.**

Denominator:

Jumlah keseluruhan pelajar sepenuh masa, warganegara Malaysia pada tahun semasa (tidak termasuk pascasiswazah) **di semua IPT.**



PENETAPAN SASARAN KPI 5 TAHUN 2021 MENGIKUT IPT



IPT	Sasaran 2021
	Bilangan Syarikat, Perusahaan atau Projek Perniagaan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	4
Universiti Kebangsaan Malaysia	4
Universiti Malaya	4
Universiti Malaysia Kelantan	5
Universiti Malaysia Pahang	3
Universiti Malaysia Perlis	3
Universiti Malaysia Sabah	3
Universiti Malaysia Sarawak	3
Universiti Malaysia Terengganu	3
Universiti Pendidikan Sultan Idris	3
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	2
Universiti Putra Malaysia	4
Universiti Sains Islam Malaysia	3
Universiti Sains Malaysia	5
Universiti Sultan Zainal Abidin	3
Universiti Teknikal Malaysia Melaka	3
Universiti Teknologi Malaysia	5
Universiti Teknologi MARA	26
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	3
Universiti Utara Malaysia	4
Politeknik	8
Kolej Komuniti	4
JUMLAH	105

PETUNJUK PRESTASI UTAMA 6

Jumlah Pelajar Terlibat Dalam Program Berasaskan Inovasi dan Teknologi di IPT



TAKRIFAN OPERASI (OD)

Pelajar Terlibat Dalam Program Berasaskan Inovasi dan Teknologi di IPT:

- Jumlah pelajar IPT warganegara Malaysia (tidak termasuk pelajar pascasiswazah) yang menyertai aktiviti/ program berasaskan inovasi dan teknologi di IPT.
- Program perlulah mengambilkira halatuju kearah pembentukan pelajar IPT dalam pembangunan produk atau perkhidmatan **berasaskan teknologi dan inovasi**.

Nota:

Pengiraan adalah **secara tahunan**. Bilangan pelajar yang terlibat di dalam program yang berasaskan teknologi dan inovasi seperti pameran atau *showcase*, pertandingan *pitching* teknologi/inovasi, program pengkomersilan produk atau aktiviti pelajar yang berkaitan sesuai dengan *bidang niche* IPT termasuklah projek tahun akhir pelajar.

Beberapa contoh spesifik adalah program yang membentuk pelajar dengan kemahiran rekabentuk grafik, animasi, laman web, konsultasi pemasaran digital, inovasi alatan mengajar dan seumpamanya. Juga perunding kejuruteraan atau hartanah ke arah pengiktiranan profesional. **Boleh juga dirujuk Kerangka 10-10 MySTIE untuk mendapatkan idea program yang boleh dilaksanakan.**



KAEDAH PENETAPAN PENCAPAIAN KPI 6

- Jumlah pelajar terlibat dalam program berasaskan inovasi dan teknologi di IPT yang memenuhi kriteria takrifan operasi.
- Jumlah yang ditetapkan pada tahun 2021 adalah sebanyak 4,200 orang pelajar terlibat dalam program berasaskan inovasi dan teknologi di IPT.

Nota:

Nilai 4,200 adalah berdasarkan pelarasan 200 pelajar bagi setiap IPT. Justifikasi 200 pelajar boleh dicapai oleh setiap IPT berdasarkan penglibatan pelajar dalam program berasaskan inovasi dan teknologi sedia ada dan bakal dilaksanakan di IPT.



KAEDAH PENETAPAN SASARAN KPI 6

Sasaran 2021 dibuat mengikut kaedah penetapan pencapaian yang sistematik berdasarkan pemberat seperti bilangan pelajar, jumlah tenaga pakar keusahawanan dan bidang *niche* IPT.

Formula penetapan sasaran:

% pemberat X Jumlah Enrolmen Setiap IPT X Kapasiti Tenaga Pengajar Dengan
Kepakaran Keusahawanan Setiap IPT



PENETAPAN SASARAN KPI 6 TAHUN 2021 MENGIKUT IPT



IPT	Sasaran 2021
	Bilangan Pelajar
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	165
Universiti Kebangsaan Malaysia	125
Universiti Malaya	111
Universiti Malaysia Kelantan	89
Universiti Malaysia Pahang	82
Universiti Malaysia Perlis	90
Universiti Malaysia Sabah	109
Universiti Malaysia Sarawak	93
Universiti Malaysia Terengganu	57
Universiti Pendidikan Sultan Idris	148
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	29
Universiti Putra Malaysia	106
Universiti Sains Islam Malaysia	96
Universiti Sains Malaysia	190
Universiti Sultan Zainal Abidin	79
Universiti Teknikal Malaysia Melaka	76
Universiti Teknologi Malaysia	156
Universiti Teknologi MARA	1,281
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	108
Universiti Utara Malaysia	150
Politeknik	515
Kolej Komuniti	344
JUMLAH	4,200

PETUNJUK PRESTASI UTAMA 7

Jumlah Syarikat Pemula Pelajar
Berasaskan Inovasi dan
Teknologi yang Dipacu Secara
Digital



TAKRIFAN OPERASI (OD)

Syarikat Pemula Pelajar Berasaskan Inovasi dan Teknologi yang Dipacu Secara Digital:

- **Syarikat Pemula:** Syarikat Perusahaan Pelajar atau Projek Pelajar yang dilaksanakan berasaskan teknologi, inovasi dan keusahawanan. Syarikat pemula dan projek pelajar didaftarkan di Pusat Keusahawanan IPT. Bagi Projek Pelajar yang mempunyai potensi untuk dibangunkan menjadi syarikat pemula, ia perlu di bawah bimbingan dan seliaan Pusat Keusahawanan IPT.
- **Inovasi:** Kaedah kreatif untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan kepada cara yang lebih baik (*Kinichi & William, 2003*). Melibatkan 4 tahap inovasi iaitu Baharu (noble), Pengembangan (extension), Duplikasi (duplication) dan Sintesis (Synthesis) di dalam aspek berikut: Produk/Perkhidmatan, Proses, Organisasi/Pengurusan dan Pemasaran.



TAKRIFAN OPERASI (OD)

- **Teknologi:** Penerapan dan pembangunan elemen teknologi dari sudut pengurusan perniagaan (*administrative*), penghasilan dan pembuatan produk/ perkhidmatan (*manufacturing*) dan produk/ perkhidmatan.
Contoh: Sistem pengurusan pejabat, *product design*, *web/mobile application* seperti aplikasi *Grab*.
- **Di pacu secara digital:** Literasi digital, pembinaan hubungan pembangunan pelanggan dan ekosistem digital (*Ramdan et. al, Jurnal Pengurusan Vol.59 (2020) UKM*). Maka pacuan secara digital diambilkira sebagai satu norma dalam Syarikat Perusahaan Pelajar atau Projek Pelajar yang dilaksanakan berasaskan teknologi, inovasi dan keusahawanan.

Nota:

Pendigitalan diambil kira dari peralihan perniagaan konvensional ke aplikasi digital manakala perniagaan digital sedia ada menunjukkan perkembangan kepada aplikasi digital yang lebih mapan.



KAEDAH PENETAPAN PENCAPAIAN KPI 7


- Jumlah syarikat atau projek pemula pelajar berasaskan inovasi dan teknologi yang dipacu secara digital yang memenuhi kriteria takrifan operasi.
- Jumlah yang ditetapkan pada tahun 2021 adalah sebanyak 420 syarikat pemula pelajar berasaskan inovasi dan teknologi yang dipacu secara digital.
- *Proof of concept* yang telah divalidasi merujuk kepada kerangka **Technology Readiness Level 3 (TRL3)**

Nota:

Nilai 420 syarikat pemula pelajar adalah berdasarkan pelarasan setiap IPT akan menubuhkan 20 syarikat pemula pelajar melalui program-program sedia ada dan program-program baharu di IPT. Potensi syarikat pemula pelajar juga dapat ditubuhkan melalui penghasilan produk berdasarkan bidang pengajian pelajar di IPT berkenaan. Contohnya seperti **inovasi sosial, inovasi alatan Pendidikan, inovasi dalam bidang agro, aplikasi perisian dan projek tahun akhir yang mempunyai potensi untuk dikomersilkan.**



Technology Readiness Levels



Source:

<https://goldensegroupinc.com/blog/tangible-innovation/2017/04/>

KAEDAH PENETAPAN SASARAN KPI 7

Sasaran 2021 dibuat mengikut kaedah penetapan pencapaian yang sistematik berdasarkan pemberat seperti bilangan pelajar, jumlah tenaga pakar keusahawanan dan bidang *niche* IPT.

Formula penetapan sasaran:

% pemberat X Jumlah Enrolmen Setiap IPT X Kapasiti Tenaga Pengajar Dengan Kepekaran Keusahawanan Setiap IPT

Nota:


Pengiraan adalah **secara tahunan**. Bilangan syarikat pemula pelajar yang mengambilkira penggunaan aplikasi/ teknologi mahupun inovasi. **Penggunaan media sosial dan platform untuk aktiviti jualan tidak diambilkira dalam KPI ini.** Kecuali, sekiranya syarikat pemula menjadi jururunding dan boleh menyediakan perkhidmatan pemasaran digital untuk pelanggan.



PENETAPAN SASARAN KPI 7 TAHUN 2021 MENGIKUT IPT



IPT	Sasaran 2021
	Bilangan Syarikat Pemula atau Projek Pelajar
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	16
Universiti Kebangsaan Malaysia	13
Universiti Malaya	11
Universiti Malaysia Kelantan	9
Universiti Malaysia Pahang	8
Universiti Malaysia Perlis	9
Universiti Malaysia Sabah	11
Universiti Malaysia Sarawak	9
Universiti Malaysia Terengganu	6
Universiti Pendidikan Sultan Idris	15
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	3
Universiti Putra Malaysia	11
Universiti Sains Islam Malaysia	10
Universiti Sains Malaysia	19
Universiti Sultan Zainal Abidin	8
Universiti Teknikal Malaysia Melaka	8
Universiti Teknologi Malaysia	16
Universiti Teknologi MARA	128
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	11
Universiti Utara Malaysia	15
Politeknik	52
Kolej Komuniti	34
JUMLAH	420

An aerial night view of a city skyline, featuring a prominent skyscraper in the foreground. The city lights are visible in the background, and the sky is a mix of orange and blue. A white semi-transparent banner is overlaid on the image.

SEKIAN, TERIMA KASIH!